



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## **Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester III, Sesi Akademik 2014/2015**

### **Kertas Soalan Peperiksaan**

**Kod Kursus** : SP 5310  
**Nama Kursus** : Undang-Undang Acara Jenayah  
Syariah & Sivil  
**Peringkat Kursus** : Diploma Lepas Ijazah  
**Masa** : 3 jam

#### **Nota :**

1. Jawab dua (2) soalan sahaja dari soalan-soalan yang diberikan.
2. Soalan pertama adalah soalan wajib. Markah keseluruhan bagi dua (2) soalan adalah 25 markah.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## **BAHAGIAN A**

### **SOALAN PERTAMA (15 MARKAH): [ SOALAN WAJIB ]**

Pertuduhan adalah pemberitahuan kepada orang yang dituduh tentang kesalahan yang ia dipertuduhkan. Oleh itu, pertuduhan mesti mengandungi maklumat yang jelas dan tepat supaya membolehkan orang yang dituduh membuat pembelaan dengan baik untuk mewujudkan satu perbicaraan yang adil :-

- a) Nyatakan butir-butir yang perlu dimasukkan ke dalam pertuduhan supaya pertuduhan itu sah pada sisi undang-undang.
- b) Sekiranya terdapat kesilapan dalam menyatakan kesalahan atau butir-butir yang perlu dalam pertuduhan, dan dengan kesilapan itu pesalah telah dihukum oleh mahkamah tetapi tidak menimbulkan kegagalan keadilan, bagaimanakah kedudukan hukuman itu?

### **SOALAN KEDUA (10 MARKAH) :**

Bab 65(a) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi ada memberi kuasa kepada Pegawai Penguatkuasa Agama untuk membuat tangkapan tanpa waran terhadap sesiapa saja yang telah atau cuba melakukan di hadapannya satu kesalahan di bawah Akta yang melibatkan pecah keamanan :-

- a) Di dalam kes Pendakwa Syarie lwn. Hjh Darul Ain [MRHS/JEN/BM 223/2003], Mahkamah telah memutuskan maksud kesalahan yang melibatkan pecah keamanan. Jelaskan keputusan Mahkamah itu dan nyatakan signifikan keputusan tersebut dengan kesalahan yang dibicarakan di dalam kes itu.

- b) Nyatakan cara-cara yang boleh digunakan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menangkap seseorang yang melakukan kesalahan.

**SOALAN KETIGA (10 MARKAH) :**

Pegawai Penguatkuasa Agama diberi kuasa untuk menjalankan penyiasatan ke atas kesalahan-kesalahan terhadap Hukum Syarak yang diperuntukkan di dalam sebarang undang-undang bertulis di Negara Brunei Darussalam :-

- a) Nyatakan secara ringkas kuasa-kuasa yang boleh digunakan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama di dalam menjalankan penyiasatan itu?
- b) Apakah kuasa yang diberikan oleh Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 kepada Pegawai Penguatkuasa Agama?

**BAHAGIAN B (ACARA SIVIL)**

Jawab **DUA** soalan **SAHAJA** dari tiga soalan berikut dimana soalan **PERTAMA** adalah soalan **WAJIB**.

**SOALAN PERTAMA (15 MARKAH) : [SOALAN WAJIB]**

1. Bab 234 Perintah Acara Mal 2005 memperuntukkan bahawa tiada apa-apa jua dalam Perintah ini boleh disifatkan menghadkan atau menjejaskan kuasa sedia ada pada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu untuk memastikan tidak berlaku ketidakadilan atau penyalahgunaan proses Mahkamah.

Berikan penjelasan mengenainya.

(5 markah)

2. Pindaan adalah satu kaedah bagi pihak-pihak membetulkan, mengubah atau menambah pliding yang mereka buat.
- i. Nyatakan cara pindaan pliding sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perintah Acara Mal, 2005. (2 markah)
  - ii. Nyatakan cara pindaan pliding mengikut amalan. (3 markah)
3. Prinsip penghinaan mahkamah di Mahkamah Syariah pada asasnya diambil dari amalan di Mahkamah Awam. Oleh kerana prinsip ini tidak bertentangan dengan hukum syarak, malah menegakkan prinsip ini akan menambahkan lagi kemuliaan dan kehormatan Mahkamah Syariah, maka prinsip ini juga diguna pakai dan menjadi teras kepada Mahkamah Syariah untuk mempertahankan kewibawaan dan integritinya
- a. Jelaskan bentuk-bentuk penghinaan mahkamah. (2 markah)
  - b. Ceritakan secara ringkas, tiga (03) contoh kes penghinaan mahkamah sebagaimana yang telah awda pelajari. (3 markah)

**SOALAN KEDUA (10 MARKAH) :**

Proses perbicaraan penuh adalah merupakan suatu proses utama sebelum kes tersebut diputuskan oleh mahkamah. Ia memerlukan penglibatan penuh daripada semua pihak termasuklah plaintif, defendan, peguam masing-masing, saksi dan sebagainya.

Nyatakan dengan terperinci prosedur atau tatacara perbicaraan penuh bagi kes-kes mal atau sivil di Mahkamah Syariah.

(10 markah)

**SOALAN KETIGA (10 MARKAH) :**

1. Plaintiff yang bernama Ahmad bin Nisfu berhasrat untuk memanggil 3 orang saksi iaitu Abdul Wahab, Abdul Wahib dan Abdul Wahub ke Mahkamah bagi membuktikan tuntutannya terhadap Defendan.
  - a. Jelaskan apakah yang sepatutnya dilakukan oleh Plaintiff untuk memanggil saksi-saksi tersebut dengan menyatakan bab yang berkaitan?  
(3 markah)
  - b. Bagaimana jika sekiranya saksi-saksi tersebut ingkar untuk hadir ke Mahkamah?  
(2 markah)
2. Permohonan merupakan salah satu cara untuk memulakan prosiding di Mahkamah Syariah. Permohonan ini terbahagi kepada dua (02) jenis.
  - a. Sebutkan apakah dua (02) jenis permohonan itu?  
(1 markah)
  - b. Nyatakan prosedur untuk memulakan tindakan bagi kedua-dua permohonan tersebut?  
(3 markah)
  - c. Berikan alasan mengapa salah satu permohonan tersebut lebih dikenali sebagai kes yang dimulakan dengan “saman”?  
(1 markah)

بالتوفيق والنجاح